

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN

SOALAN : NO. 258

DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah peruntukan dan apakah garis panduan yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada universiti menjalankan kajian yang berprofil tinggi dalam pembangunan sesuatu industri seterusnya memberi manfaat kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberikan fokus kepada sembilan Bidang Keutamaan Negara (*National Key Priority Areas*) dalam aktiviti penyelidikan seperti yang digariskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Setiap cadangan penyelidikan akan dinilai dari segi input, output, *outcome* dan juga impak penyelidikan kepada kerajaan, komuniti dan industri. Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang berimpak tinggi.

Untuk tempoh dari tahun 2015 hingga 2017, KPT telah membiayai hampir 500 projek penyelidikan berkaitan industri berprofil tinggi seperti bidang *Biotechnology*, *Nanotechnology*, *Robotics*, *Aerospace* dan *Automotive*.

RT22/259

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
DARIPADA [SIK]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peranan Jawatankuasa Khas Kabinet Bahasa Kebangsaan yang telah diumumkan penubuhannya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada Oktober 2017 dan apa perancangan jawatankuasa ini untuk mengatasi isu kelunturan martabat Bahasa Melayu akibat pengaruh Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Mac 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Bahasa Kebangsaan yang berfungsi seperti berikut:

- i. Mengawal selia penggunaan bahasa kebangsaan agar selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan akta serta pekeliling kerajaan yang berkaitan.
- ii. Mengawal selia dan menyelesaikan isu-isu berkaitan bahasa kebangsaan.

- 162
- iii. Mewujudkan sinergi antara kementerian dalam usaha mendaulatkan dan memartabatkan bahasa kebangsaan.
 - iv. Mengarahkan agar cadangan dan syor bagi memartabatkan bahasa kebangsaan diambil tindakan.

Bagi memartabatkan Bahasa Melayu, Jawatankuasa Kabinet Bahasa Kebangsaan telah merancang untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Mewajibkan penggunaan bahasa Melayu yang tidak bercampur-aduk dengan bahasa Inggeris dalam mesyuarat rasmi kerajaan.
- ii. Mengawal selia penggunaan bahasa Melayu di media masa dan juga media alternatif.
- iii. Mewajibkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam sektor pengiklanan.
- iv. Mendapatkan dan memantapkan istilah umum dan istilah khusus yang diambil daripada bahasa Inggeris sesuai dengan keperluan setempat.
- v. Mengadakan kempen kesedaran dan jelajah bahasa dengan memberikan tumpuan kepada meningkatkan kesedaran penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat.